

'Selesaikan segera demi keselesaan kami'

KUALA LUMPUR 12 Mei - Penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik, Jalan Klang Lama di sini menggesa pihak bertanggungjawab menyelesaikan dua isu utama yang dihadapi mereka.

Selain masalah bau busuk dari kolam takungan banjir, pemantauan dan tindakan terhadap kontraktor projek berhampiran perlu diambil.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga PPR Seri Anggerik, **Nordin Mohd. Nor** berkata, masalah itu perlu diselesaikan segera demi keselamatan dan keselesaan penduduk.

Katanya, penduduk sudah tidak tahan terpaksa menghidu bau busuk setiap hari.

Seorang penduduk, **Zubaidah Ibrahim**, 43, pula berkata, bau busuk dari kolam itu amat meloyakan sekali gus menyebabkan kehidupan harian mereka terjejas.

Katanya, pihak bertanggungjawab sepatutnya tidak lepas tangan kerana ia melibatkan soal keselamatan dan keselamatan penduduk di kawasan itu.

"Saya benar-benar berharap kerja-kerja tersebut dapat dilakukan segera, kerana kami sudah tidak sanggup hidup begini," katanya.

Turut berkongsi perasaan, **Suhaimi Mahbob**, 60.,

Katanya, ketiadaan kerja-kerja penyelenggaraan menyebabkan penduduk sekitar diancam wabak



**ZUBAIDAH
IBRAHIM**



NOORROZAINI



**ZALIAH MAT
YAHYA**

denggi.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab segera bertindak sebelum kejadian lebih buruk berlaku," katanya.

Turut melahirkan kebimbangan, surirumah, **Noorrozaini Mohd. Yusoff**, 44.,

Katanya, sebelum kerja-kerja dimulakan, kontraktor terlibat perlu terlebih dahulu memikirkan soal keselamatan penduduk.

"Lebih-lebih lagi projek yang dijalankan berhampiran dengan kawasan perumahan.

"Jika keadaan ini dibiarkan berterusan kami bimbang sesuatu kejadian tidak diinginkan akan menimpa penduduk," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Zaliah Mat Yahya**, 60, berharap pihak bertanggungjawab memandang serius perkara ini seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.



PENDUDUK mendakwa kontraktor projek berhampiran PPR Seri Anggerik, Jalan Klang, Kuala Lumpur mengabaikan aspek keselamatan sehingga mengundang bahaya.